



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12 Safar 1442 / 30 September 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 12 Safar 1442H bersamaan 30 September 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 146 orang.**
2. Sementara itu, satu kes aktif masih lagi dirawat Pusat Pengasingan Kebangsaan dan adalah dalam keadaan stabil. **Jumlah kes yang telah sembuh juga kekal 142 orang.**
3. Manakala terdapat **441** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini,

seramai **6,244** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 320 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 58,914 ujian.
5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk terus mematuhi segala arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan serta sentiasa melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan COVID-19. Amalkan kebersihan diri dan etika bersin yang betul. Pemakaian sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak adalah digalakkan dan jika merasa kurang sihat, jangan hadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 12 Safar 1442H / 30 September 2020